

SEKILAS ERA KEGEMILANGAN FILEM SINGAPURA

Tahukan anda Singapura pernah dianggap Hollywood Asia Tenggara satu ketika dahulu? Malah, kisah Batu Belah Batu Bertangkup telah dijadikan sebuah filem, dan penggambarannya dijlalankan di Singapura! Ketahui lebih lanjut lagi tentang sejarah perfileman Singapura.

4 Jumlah lokasi penggambaran bagi filem yang dihasilkan pada tahun 1959 ini, Batu Belah Batu Bertangkup

Empat lokasi ini termasuk sebatang sungai bakau, ladang pokok nipah, Kampong Tampines (berhampiran Jalan Guan Choon kini) dan Kampong Jawa Teban (dalam bandar Jurong kini).


Bolehkah anda cari di manakah Jalan Guan Choon di peta google?



19 Jumlah panggung wayang yang dikendalikan oleh Shaw Brothers pada tahun 1965

Shaw Brothers tiba di Singapura di antara tahun 1926-1928. Pada awalnya, mereka mengedarkan filem-filem yang dihasilkan di negara Cina, tetapi kemudian mengembangkan sayapnya kepada produksi filem di Malaya.

Pada tahun 1965, mereka telah memiliki 19 panggung wayang di Singapura, 70 di Malaysia dan 41 lagi di merata Asia Tenggara.



SUMBER RUJUKAN:
<https://sgfilmlocations.com/2015/02/03/batu-belah-batu-bertangkup-the-devouring-rock-1959/>
https://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_1795_2011-03-08.html
<https://eresources.nlb.gov.sg/history/events/6854ed6a-6614-4ecc-b728-278f0a8ffb98#10>
<https://www.roots.gov.sg/stories-landing/stories/golden-era-of-singapore-cinema/story>

1 Esplanade Drive, Singapore 038981 | Customer Experience Hotline: 6828 8377

50 Harga satu tiket wayang (dalam kiraan sen!) pada tahun 1960-an di Singapura.



50

Harga satu tiket wayang pada tahun 1960-an di Singapura adalah sekitar 50 sen untuk tiket biasa, sehinggalah 75 sen untuk tempat duduk dan tayangan filem premium.

8 Nombor jalan bagi studio Shaw yang baru di Jalan Ampas, yang dibuka pada tahun 1947.

Pada tahun 1941, Shaw membina studio keduanya di Jalan Ampas. Namun, ia hanya dibuka pada tahun 1947 selepas Perang Jepun. Studio ini akhirnya ditutup pada tahun 1967.

Cuba lihat bagaimana rupa 8 Jalan Ampas selepas bertahun-tahun ia melabuhkan tirainya.



Berapakah harga untuk membeli satu tiket wayang pada masa sekarang?

162 Jumlah filem yang dihasilkan oleh Malay Film Productions

MFP menghasilkan 162 filem di sepanjang 20 tahun penglibatannya. Kejayaan ini diraih dengan adanya seniman yang berbilang bakat seperti Jamil Sulong dan P. Ramlee.

Ketahui lebih lanjut lagi tentang P. Ramlee, salah seorang artis paling terkenal MFP.



Jamil Sulong